



Memo
LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Warga LGM

Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia

Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027

Tarikh : 19 Jun 2019

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 19 TAHUN 2019**

**GARIS PANDUAN PERTUKARAN PEGAWAI DAN PENGKHIDMAT
LEMBAGA GETAH MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pembangunan Modal Insan Bilangan 2 Tahun 2019 (Mobilisasi) bersetuju dengan Garis Panduan Pertukaran Pegawai dan Pengkhidmat LGM yang terkini berkuat kuasa 7 Mei 2019 seperti di Lampiran 1.

3. Semua warga LGM dipohon mengambil maklum perkara berkenaan. Garis Panduan boleh diperolehi melalui Portal Unit Pembangunan Sumber Manusia, Lembaga Getah Malaysia di www3.lgm.gov.my/UPSM.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

(EMILIA BINTI KASSIM)

s.k: Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian

LAMPIRAN 1

GARIS PANDUAN PERTUKARAN PEGAWAI DAN PENGKHIDMAT LEMBAGA GETAH MALAYSIA

1. Sebab-sebab pertukaran adalah :

- i. untuk memberi pendedahan kepada pegawai dan pengkhidmat LGM mengenai pelbagai aktiviti dan sebagai persediaan untuk kemajuan kerja pegawai dan pengkhidmat LGM;
- ii. untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya salah guna kuasa bagi jawatan tertentu;
- iii. untuk mengelakkan kesangsian (dari kalangan orang luar) terhadap pegawai dan pengkhidmat LGM yang menjalankan operasi;
- iv. untuk memenuhi keperluan bagi mempertingkatkan keberkesanannya operasi LGM dengan tujuan mencapai objektif, visi, misi yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan;
- v. sebagai syarat perkhidmatan seperti yang diperuntukkan dalam surat tawaran pelantikan;
- vi. atas sebab kesihatan diri dan keluarga;
- vii. atas permohonan Pengarah Bahagian/Ketua Unit/Pengarah Wilayah/Pengurus Stesen.

2. Pegawai dan pengkhidmat LGM yang layak untuk ditukarkan adalah seperti berikut:

- i. Pegawai dan pengkhidmat LGM yang mempunyai hubungan yang rapat (suami/isteri/anak) bertugas di dalam unit yang sama dan mempunyai kaitan dalam "line of reporting".
- ii. Pegawai dan Pengkhidmat LGM yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat (suami/isteri/anak) dengan seorang Pegawai dan Pengkhidmat LGM lain yang bertugas di Unit yang sama/unit berlainan di bawah LGM tidak boleh ditempatkan bertugas di Unit Pembangunan Sumber Manusia (UPSM).

3. Tempoh penempatan di sesebuah unit bertugas adalah sekurang-kurangnya:

- i. 3 tahun – bagi jawatan-jawatan yang sensitif untuk mengelakkan unsur-unsur penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah.

LAMPIRAN 1

- ii. 5 tahun – bagi pegawai dan pengkhidmat LGM yang menjalankan tugas-tugas operasi khususnya bagi tugas-tugas yang boleh menimbulkan kesangsian.
4. Masa yang diberi untuk persediaan urusan pertukaran:
 - i. sekurang-kurangnya satu (1) bulan bagi pegawai dan pengkhidmat LGM yang ditukarkan ke luar kawasan Kuala Lumpur/Selangor/Negeri Sembilan
 - ii. sekurang-kurangnya dua (2) minggu bagi pegawai dan pengkhidmat LGM yang ditukarkan di dalam kawasan Kuala Lumpur/Selangor/Negeri Sembilan
5. Bayaran perpindahan dan pertukaran adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 1995. Mana-mana pegawai dan pengkhidmat LGM yang diarahkan bertukar adalah layak menuntut elaun pertukaran sepetimana perkara (1) di atas dan juga atas sebab permohonan sendiri sepetimana surat edaran surat JPA(S)63/163(30) bertarikh 23 Ogos 1994.
6. Dengan mengambil kira demi kepentingan perkhidmatan di LGM, mana-mana pegawai dan pengkhidmat LGM lantikan tetap yang memenuhi syarat di perkara (1) dan perkara (5) adalah layak menuntut elaun pertukaran. Pegawai dan pengkhidmat LGM lantikan kontrak yang diarahkan bertukar tempat bertugas sahaja layak dibayar elaun perpindahan. Pegawai dan pengkhidmat LGM lantikan kontrak yang diluluskan pertukaran tempat kerja atas permohonan sendiri tidak layak dibayar elaun perpindahan.
7. Permohonan pertukaran oleh mana-mana pegawai dan pengkhidmat LGM yang ditolak oleh Jawatankuasa Pembangunan Modal Insan (Mobilisasi) **TIDAK DIBENARKAN** untuk mengemukakan permohonan pertukaran dalam tempoh satu (1) tahun daripada keputusan dikeluarkan oleh pihak UPSM.
8. Walau apapun peruntukan yang tersebut di atas, pihak pengurusan boleh memindahkan pegawai dan pengkhidmat LGM dalam tempoh yang lebih singkat atau atas keperluan lain untuk kepentingan LGM.

Unit Pembangunan Sumber Manusia
7 Mei 2019